



Kementerian Komunikasi

DANA PENYERTAAN DAN PROMOSI ANTARABANGSA



Perbadanan Kemajuan
Filem Nasional Malaysia

1

TUJUAN KATEGORI DANA

Kategori dana ini dibuka bagi membantu penggiat industri berpotensi untuk menyertai festival, sesi *pitching*, *film camp*, *film summit*, *film conference* yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Penyertaan adalah terbuka kepada syarikat/individu diperingkat perancangan/telah menerima undangan/jemputan

2

OBJEKTIF

Memudahkan penyertaan penggiat industri tempatan ke festival dan forum antarabangsa

Memudahkan cara usaha mempromosi filem Malaysia ke festival bagi tujuan penyertaan dan pertandingan di peringkat antarabangsa

Mewujudkan lebih jalinan kerjasama strategik di antara penggiat industri tempatan dan pemain industri diperingkat global

Mempergiatkan penyertaan produk-produk kandungan kreatif tempatan khususnya filem ke pasaran-pasaran antarabangsa

Membuka lebih banyak peluang kepada pemain industri untuk bergiat di peringkat antarabangsa

3

SKOP PROGRAM DANA



Penyertaan/promosi syarikat/individu ke-34 festival filem antarabangsa yang telah diperakukan oleh FINAS

01

02



Penyertaan/promosi syarikat/individu Jemputan individu/syarikat sebagai peserta, calon pertandingan, juri, tenaga pengajar, penyampai anugerah, jemputan khas, jemputan pertandingan / tayangan / apresiasi ke festival, sesi *pitching*, *film camp*, *film summit*, *film conference* yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan berkaitan dengan industri kandungan kreatif terutamanya bidang perfilman/ dokumentari/ filem pendek

Format projek : filem cereka / filem pendek / dokumentari / animasi



www.finás.gov.my

Ikuti kami



FINASMalaysia



FinasMy



SKOP PENYERTAAN DAN PROMOSI YANG DILULUSKAN SEHINGGA RM50,000.00 ADALAH:



TIKET PENERBANGAN



ELAUN MAKAN / PER DIEM



PENGINAPAN



PENGANGKUTAN SELAIN
TIKET PENERBANGAN



KONTIGENSI



TARIKH PERMOHONAN



**Tarikh Buka Permohonan:
Sepanjang Tahun Sehingga 30 November 2025**

*Tertakluk kepada siling bilangan penerima dan baki peruntukan tahun semasa



SYARAT-SYARAT DAN TERMA PERMOHONAN

SYARIKAT

- 1** Lesen pengeluaran / Pengedaran FINAS hendaklah masih aktif sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh luput semasa permohonan dibuat
- 2** Lebih daripada lima puluh satu peratus (51%) pemilikan sah dan benefisial pemohon terletak hak pada warganegara Malaysia
- 3** Syarikat tidak mempunyai 'on going' projek DKK atau telah menerima surat tutup projek daripada FINAS
- 4** RM50,000.00 modal syer diterbitkan dan berbayar
- 5** Bebas dari perintah penggulungan dan senarai muflis
- 6** Tidak mempunyai sebarang projek yang bermasalah atau tidak siap di bawah Dana Kandungan Kreatif (DKK) atau mana-mana dana di bawah FINAS

INDIVIDU

- 1** Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas
- 2** Ahli mana-mana Persatuan industri kreatif yang berdaftar dengan FINAS dibawah program Peningkatan Kapasiti Kreatif Malaysia (MyCAP)
- 3** Bebas dari perintah penggulungan dan senarai muflis
- 4** Individu tidak mempunyai 'on going' projek DKK atau telah menerima surat tutup projek daripada FINAS
- 5** Tidak mempunyai sebarang projek yang bermasalah atau tidak siap di bawah Dana Kandungan Kreatif (DKK) atau mana-mana dana di bawah FINAS



IMPLIKASI KEWANGAN

Pembentangan Dana ini sehingga RM50,000.00 bagi aktiviti penyertaan dan promosi antarabangsa untuk projek tersebut

*Amaun kelulusan adalah tertakluk kepada pengesoran dan kelulusan Jawatankuasa Pelulus DKK



PELAKSANAAN PROGRAM

- Permohonan boleh dibuat secara dalam talian di laman sesawang www.finas.my. Pemohon juga **WAJIB** mengisi borang pendaftaran (secara dalam talian)
- Setiap permohonan **WAJIB** melengkapkan **SENARAI SEMAK PENYERAHAN** yang telah ditetapkan. Borang hendaklah dihantar dan dilampirkan bersama dokumen-dokumen sokongan
- Urus setia akan membuat saringan tapisan permohonan
- Permohonan yang berjaya melepas saringan urus setia sahaja akan diangkat ke Jawatankuasa Pelulus DKK di Kementerian Komunikasi (KK) untuk kelulusan



KAEDAH PENYALURAN DANA



CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN DPPA

